

Advertorial

Gulf Rubber Malaysia Jana Pertumbuhan Industri Tayar Celup Negara

Pasaran industri pembuatan tayar celup (tyre retreading) masih lagi berkembang baik walaupun seluruh dunia kini masih lagi belum pulih sepenuhnya daripada krisis ekonomi yang melanda tahun ini. Buktinya, terdapat beberapa pengeluar utama tayar celup di Malaysia yang masih mengekalkan prestasi memberangsangkan di samping peningkatan terhadap jumlah permintaan tayar celup di negara kita.

Proses pembuatan tayar celup bukanlah suatu yang mudah kerana ia membabitkan beberapa peringkat yang dilaksanakan dengan terperinci seperti bermula dengan pemeriksaan awal, meratakan, memperbaiki, menampal, membina, memulih dan pemeriksaan akhir.

Pemilihan bingkai tayar (casing) perlulah diutamakan yang mana gelungan dawai halus di dalamnya dikekalkan, sebaliknya ia diperbaiki lagi dan akan ditampal lapisan bunga tayar baru mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Tayar yang telah mengalami kerosakan atau kecacatan teruk akan diasingkan kerana ia tidak sesuai

dijadikan tayar celup demi mementingkan kualiti dan tahap keselamatan apa tayar celup tersebut digunakan kelak.

Salah sebuah pengeluar yang terlibat ialah syarikat Gulf Rubber (M) Sdn. Bhd (GRM), merupakan salah sebuah pengeluar tayar celup yang sedang meningkat naik khususnya di bahagian Malaysia Timur.

Dengan menjadikan penghasilan tayar celup sebagai hasil pendapatan utama syarikat, GRM memastikan setiap tayar yang dikitar semula untuk dijadikan tayar celup yang sempurna perlulah



Mesin berteknologi terkini memastikan proses pembuatan tayar celup GRM berjalan lancar



menepati ciri-ciri keselamatan. Ia bagi memastikan tayar celup yang dihasilkan boleh dipercayai, selamat, berketahanan tinggi dan standing dengan keupayaan tayar baru di pasaran.

Kilangnya bertempat di Lot 2, Jalan Bakau, Off Jalan Undan, Mile 5 ½, Jalan Tuaran, 88450 Inanam, Kota Kinabalu dengan keluasan tapak sekitar dua hektar dilihat mampu menyumbang kepada kadar pertumbuhan ekonomi negara yang lestari melalui urusan perniagaan yang dijalankan.

GRM telah menjalani urusan penggabungan bersama Gulf Rubber Sntex Sdn. Bhd. pada 2006 di Sabah



GRM telah dianugerahkan MS 224:2005 pada 2009 memastikan tayar celup yang dihasilkan berkualiti dan selamat.

Salah sebuah pengeluar yang terlibat ialah syarikat Gulf Rubber (M) Sdn. Bhd (GRM), merupakan salah sebuah pengeluar tayar celup yang sedang meningkat naik khususnya di bahagian Malaysia Timur.